

UUM/0053/BH/06.09.2001

UUM cadang wujud Indeks Sosial

BH
6/9/2001
UNI
12

ALOR STAR, Rabu – Universiti Utara Malaysia (UUM) bercadang mewujudkan Indeks Sosial (IS) bagi memudahkan kerajaan memantau gejala sosial, terutama pelajar dan remaja.

Naib Canselornya, Professor Datuk Dr Ahmad Fawzi Basri, berkata IS akan membolehkan kerajaan dan pihak berkaitan memantau tahap gejala sosial di negeri masing-masing setiap tahun.

Beliau berkata, Sekolah Sains Sosial UUM bersedia menjalankan kajian bagi mewujudkan IS.

“Bagaimanapun, kajian itu memerlukan kos yang

tinggi dan jika kerajaan negeri atau pihak lain sedia menyumbang, UUM sedia melakukannya,” katanya pada persidangan akhbar selepas perasmian Seminar Wacana Sehari Remaja dan Black Metal anjuran Sekolah Sains Sosial UUM hari ini.

Majlis itu dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Datuk Md Hassan Bulat. Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Fadzil Hanafi.

Seminar sehari itu membincangkan lima kertas kerja berkaitan isu remaja dan Black Metal.

Dr Ahmad Fauzi berka-

ta IS adalah relevan untuk pihak berkaitan merancang langkah mengatasi gejala sosial dan memberi penumpuan kepada sesuatu isu.

Beliau berkata kajian enam bulan UUM terhadap isu itu pada 1997 menunjukkan punca gejala sosial remaja ialah kelemahan aspek keibubapaan dan kurang asas agama.

Katanya, sebanyak 1,300 responden remaja berusia antara 13 dan 21 tahun terbabit dalam kajian itu.

Kajian itu dilaksanakan hasil permintaan Kerajaan Kedah bagi mengetahui sejauh mana masalah so-

sial di kalangan remaja membabitkan kos kira-kira RM75,000.

Katanya, hasil kajian serta beberapa cadangan diserahkan kepada kerajaan negeri pada 1998.

“Hasil kajian itu juga menunjukkan remaja Melayu paling ramai terbabit dalam gejala Black Metal,” katanya.

Beliau berkata pasukan enam pensyarah yang menjalankan kajian ketika itu juga sudah menemui gambar, majalah dan panduan ahli Black Metal.

“Semua bahan itu kita serahkan kepada pihak berkuasa ketika itu,” katanya.